

NO. SOALAN: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

RUJUKAN : 9169

SOALAN:

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) Jumlah kes buli di sekolah atau keganasan domestik yang dilaporkan sepanjang tahun 2014, 2015 dan 2016; dan
- (b) Berapakah kes yang dituduh di Mahkamah Juvana dan telah diambil tindakan setakat ini.

JAWAPAN

Bagi menjawab soalan (a), Kes keganasan rumahtangga ditakrifkan sebagai penderaan fizikal atau seksual yang dilakukan oleh ahli keluarga itu sendiri sama ada penderaan oleh suami terhadap isteri atau anak-anak atau kedua-duanya, penderaan isteri terhadap suami atau anak-anak atau kedua-duanya. Banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan perlakuan ini, antaranya tekanan emosi, masalah kewangan, kehadiran orang ketiga dalam keluarga dan sebagainya.

Statistik kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan bagi tahun 2014, 2015 dan Mac 2016 adalah seperti berikut:-

KONTINJEN	2014	2015	2016
PERLIS	78	83	25
KEDAH	398	556	126
P/PINANG	306	301	74
PERAK	331	263	84
SELANGOR	657	780	254
K/LUMPUR	201	208	68
N/SEMBILAN	459	339	93
MELAKA	101	142	29
JOHOR	541	633	161
PAHANG	231	203	61
TERENGGANU	229	255	55
KELANTAN	621	621	166
SABAH	299	351	102
SARAWAK	355	279	83
JUMLAH	4807	5014	1381

Bagi menjawab soalan (b) Statistik pertuduhan kes keganasan rumah tangga bagi tahun 2014, 2015 dan Mac 2016 adalah seperti berikut:-

KONTINJEN	2014 TUDUH	2015 TUDUH	2016 TUDUH
PERLIS	8	28	12
KEDAH	78	166	25
P/PINANG	100	91	29
PERAK	18	13	2
SELANGOR	353	470	132
K/LUMPUR	75	56	22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM

SOALAN : 72

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian telah mengkaji semula kadar bayaran yang dikenakan kepada pemohon-pemohon yang ingin mengambil lesen memandu yang baru kerana permohonan lesen percubaan (L) yang ditetapkan oleh JPJ sebanyak dua (2) kali pembayaran menjadi bebanan kewangan oleh golongan belia bagi memiliki lesen memandu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya telah mengkaji semula struktur kadar yuran pembelajaran dan latihan pemanduan di Institut Memandu (IM) di mana suatu kadar siling yuran telah ditetapkan dan dilaksanakan mulai 1 Oktober 2014. Struktur kadar siling ini adalah berdasarkan penilaian yang dibuat secara terperinci dan munasabah mengambil kira keperluan untuk menghasilkan pemandu yang kompeten, mematuhi peraturan dan berhempah yang diperlukan melalui latihan teori dan amali pemanduan secara komprehensif.

Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab kepada rakyat, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa meneliti dan memantau maklum balas berhubung dengan kos pengambilan lesen memandu. Sehubungan itu, Kerajaan melalui JPJ juga telah memperkenalkan program *myLesen* iaitu satu program yang disasarkan pada golongan muda untuk mendapatkan lesen pada kadar diskaun iaitu tidak melebihi kadar siling RM299.00. Melalui program *myLesen* ini juga, Kerajaan juga telah mengecualikan bayaran tempahan ujian bagi kelas motosikal B2 dan kadar pembaharuan lesen memandu B2 dikurangkan kepada RM2.00 sahaja berbanding RM20.00 sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui program *myLesen* dan kawalan harga siling yang ditetapkan, adalah didapati kos pengambilan lesen bukanlah faktor utama golongan belia menunggang motosikal tanpa lesen memandu. Walau bagaimanapun, masalah ini berpunca daripada sikap dan tahap kesedaran yang rendah mengenai risiko menunggang tanpa memiliki lesen memandu serta kepentingan keselamatan diri semasa di jalan raya yang perlu ditangani melalui program advokasi dan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Oleh itu, melalui inisiatif ini Kerajaan yakin bahawa program *myLesen* ini akan dapat membantu Kerajaan menangani isu golongan muda yang menunggang motosikal tanpa memiliki lesen memandu dan seterusnya meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia.